



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA



KENYATAAN MEDIA

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

“JPJ MENGELUARKAN 73,296, NOTIS KESALAHAN DALAM OPS PATUH KHAS KENDERAAN KOMERSIAL 2023”

Alor Setar, Kedah, 30 Oktober 2023 – Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia, melalui Ops Patuh Khas 2023 telah memeriksa dan mengaudit pematuhan ke atas **321,263 buah kenderaan** termasuk kenderaan komersial di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333), Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334), Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715) dan Kaedah – Kaedah di bawahnya. Hasil pemeriksaan dan pengauditan dalam tempoh **1 hingga 30 Oktober 2023 (30 hari)**, sebanyak **73,296 notis** dikeluarkan kepada pihak syarikat, pemilik dan pemandu di atas pelbagai kesalahan kegagalan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

Melalui Ops Khas Patuh 2023 ini, daripada 73,296 notis pelbagai kesalahan dikeluarkan, terdapat **4,515 (6%) kesalahan lebih muatan, 19,905 (27%) kesalahan teknikal, 11,813 (16%) tiada lesen memandu yang sah, 6,085 (8%) tiada lesen vokasional, 9,947 (14%) LKM tamat tempoh, 6,626 (9%) tiada insurans serta 5,762 (8%) tujuh (7) kesalahan utama lalu lintas**. JPJ juga telah menyita sebanyak **705 buah kenderaan**, di mana **16 buah** daripadanya melibatkan kesalahan lebih muatan yang ekstrem.

Berdasarkan pemerhatian dan analisis awal data hasil pemeriksaan dan audit yang dilaksanakan dalam tempoh 30 hari Ops Patuh Khas 2023 ini, JPJ mendapati tren kesedaran dan pematuhan kepada peraturan-peraturan di bawah Akta 333, 334, 715 dan Kaedah-Kaedah, terutamanya kenderaan komersial, adalah **berada pada tahap yang masih rendah**. Oleh itu, JPJ menggesa kepada pihak syarikat, pemilik dan pemandu kenderaan komersial untuk sentiasa mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan termasuk meningkatkan lagi tahap kawalselia

keselamatan operasi kenderaan komersial bagi memastikan ekosistem jalan raya sentiasa selamat kepada pengguna jalan raya yang lain.

Sayugia dimaklumkan, JPJ memandang serius dan tidak akan berkompromi dengan pihak syarikat, pemilik dan pemandu kenderaan komersial termasuk mana-mana pengguna jalan raya yang masih tegar melanggar undang-undang dan peraturan yang ditetapkan tanpa kecuali. Penguatkuasaan dan tindakan tegas akan dilaksanakan secara berterusan bagi meminimumkan kadar kemalangan dan kematian akibat nahas jalan raya.

Justeru, JPJ akan terus mempergiatkan usaha untuk melandai statistik kemalangan dan kematian akibat nahas jalan raya termasuk mengadakan kolaborasi strategik melalui **Ops Patuh Bersepadu JPJ bersama JSPT** dan agensi penguatkuasaan lain, yang akan diteruskan mulai November ini bagi memastikan ekosistem pembudayaan keselamatan jalan raya yang lebih selamat kepada semua pengguna.

JPJ menyeru kepada orang awam untuk sentiasa bekerjasama dalam mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya serta bertoleransi bersama pengguna jalan raya yang lain demi keutamaan keselamatan diri dan keluarga ketika di jalan raya serta melaporkan aduan secara terus atau *real time* dengan menggunakan Aplikasi MyJPJ e-aduan@jppj atau emel aduantrafik@jppj.gov.my beserta dengan butiran lengkap aduan. "Pandu Cermat, Sampai Selamat".

**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA**

30 OKTOBER 2023

[TAMAT]